



SIARAN AKHBAR

KAJI SELIDIK PERSEPSI AWAM 2024 OLEH BDCB

1. Brunei Darussalam Central Bank [BDCB] akan menjalankan Kaji Selidik Persepsi Awam [PPS] 2024 ke atas orang ramai buat julung kalinya dari hari Rabu, 19 Jun 2024 hingga Khamis, 4 Julai 2024.
2. Antara lain objektif kaji selidik ini adalah untuk memahami tanggapan dan kefahaman orang ramai mengenai BDCB dari segi peranan serta kepentingannya; mendapatkan gambaran keseluruhan tentang hubungan BDCB dengan orang ramai; mengukur petunjuk-petunjuk reputasi termasuk kefahaman am (*familiarity*), disenangi (*favourability*), keyakinan/kepercayaan (*trust*), dan sokongan (*advocacy*); dan mengetahui dengan lebih lanjut pendapat orang ramai terhadap usaha dan inisiatif komunikasi yang pernah BDCB laksanakan sebelum ini.
3. Kaji selidik ini akan mengukur lima petunjuk utama untuk menilai pendapat orang ramai terhadap tahap penglibatan BDCB. Ini termasuk:
 - Kefahaman am (*familiarity*) - merujuk kepada tahap kefahaman orang ramai terhadap peranan dan tanggungjawab BDCB.
 - Disenangi (*favourability*) - merujuk kepada tahap pengaruh positif BDCB dan perkhidmatannya.
 - Keyakinan/kepercayaan (*trust*) - merujuk kepada tahap keyakinan dan kepercayaan orang ramai bahawa BDCB akan memenuhi peranan dan tanggungjawabnya dengan cekap dan integriti, dan demi kebaikan orang ramai.
 - Sokongan (*advocacy*) – merujuk kepada kemungkinan orang ramai akan memberi ulasan atau komen yang positif mengenai BDCB.
 - Usaha komunikasi – merujuk kepada tanggapan orang ramai terhadap usaha BDCB untuk berhubung dengan mereka.
4. Kaji selidik ini akan memberi peluang kepada BDCB untuk mendapatkan maklumbalas daripada orang ramai tentang sebarang jurang komunikasi yang boleh diperbaiki. Hasil daripada kaji selidik ini seterusnya akan membantu dalam penyediaan dasar dan strategi komunikasi yang berkaitan di masa hadapan.
5. BDCB PPS 2024 akan dijalankan secara dalam talian dan boleh didapati melalui platform-platform rasmi BDCB termasuk laman web BDCB di www.bdcb.gov.bn, serta media sosial rasmi iaitu BDCB Instagram, @centralbank.brunei dan BDCB LinkedIn.

6. Bagi sama-sama menyokong dan menjayakan inisiatif ini, para peserta digalakkan untuk menjawab kaji selidik ini dengan jujur dan tepat.
7. BDCB juga ingin mengongsikan bahawa semua maklumat yang dikumpul akan dianggap sulit. Seterusnya, BDCB tidak akan meminta sebarang maklumat peribadi selain daripada data demografi, iaitu jantina, kumpulan umur, bangsa, daerah tempat tinggal, tahap pendidikan tertinggi dan status dan sektor pekerjaan. Oleh itu, orang ramai dinaishatkan untuk sentiasa berwaspada akan kaji selidik yang menyamar sebagai BDCB yang mungkin meminta maklumat peribadi dan kewangan seperti butiran akaun bank, butiran kad kredit/debit, dan sebagainya.
8. Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai BDCB PPS 2024, sila hubungi BDCB di talian 8318388 atau emel corpcomms@bdcb.gov.bn.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 7 Zulhijjah 1445H / 14 Jun 2024M
Rujukan: BDCB/COMMS/3